

Saya Terbuka Untuk Dicabar Demi Kekuatan Umno - Bung Moktar Bernama
14 Sept, 2013

KINABATANGAN, 14 Sept (Bernama) -- Ketua Umno bahagian Kinabatangan Datuk Bung Moktar Radin yang akan mempertahankan jawatan itu pada pemilihan parti Oktober ini, terbuka untuk dicabar.

Anggota Parlimen Kinabatangan itu menyandang jawatan itu sejak 20 tahun lepas dan merupakan Anggota Majlis Tertinggi Umno.

"Saya melihat Umno perlu kuat lebih-lebih lagi untuk berdepan pilihan raya umum (PRU) ke-14 kerana keputusan PRU13 bergantung kepada pengundi luar bandar seperti di kawasan Kinabatangan," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai reaksi terhadap kenyataan Anggota Dewan Undangan Negeri Sukau Datuk Saddi Abdul Rahman yang akan mencabar jawatan Ketua Umno Bahagian Kinabatangan.

Bung Moktar mengekalkan jawatannya sebagai Ketua Umno Bahagian Kinabatangan tanpa bertanding pada pemilihan parti bahagian itu 18 Okt 2009.

Beliau berkata pertandingan dalam Umno ibarat pertandingan 'keluarga' yang menang adalah anggota Umno dan yang kalah juga adalah daripada kalangan anggota Umno sendiri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977832>